

# AL-QUR'ĀN AL-KARĪM PUSAT KEBUDAYAAN DUNIA

Ilmu-ilmu al-Quran yang Mustahak Dipelajari oleh Ahli-ahli Tafsir

## Ilmu *Dirāyah* dan *Riwāyah* al-Quran

### Mustahaknya Ilmu-ilmu al-Quran

Bagi mentafsir al-Quran dan memahaminya dengan sempurna, bahkan bagi menterjemahkannya, amat mustahak mengetahui ilmu-ilmu al-Quran, kerana dengan ilmu-ilmu itulah dapat seseorang mentafsirkan al-Quran. Dan ilmu-ilmu ini menjadi alat bagi tafsir. Oleh itu, ilmu-ilmu inilah yang seharusnya dinamai “Ilmu Tafsir” atau “Ilmu-ilmu al-Quran”. Akan tetapi kebanyakan orang apabila disebut di hadapannya perkataan “Ilmu Tafsir”, dengan serta-merta akan terbayang kepadanya syarahan al-Quran dan ulasannya.

Syarahan al-Quran dan ulasannya itu dinamai: “Tafsir dan Takwil.”

Maka ilmu-ilmu al-Quran itu sebagaimana yang telah ditakrifkan oleh Al-Suyūṭī dalam “*Atmām al-Dirāyah*” ialah:

“Suatu ilmu yang membahaskan keadaan al-Quran, dari segi nuzulnya, sanadnya, adab-adabnya, lafaz-lafaznya, makna-maknanya yang bergantung dengan lafaz, makna-maknanya yang bergantung dengan hukum, dan sebagainya.

Dalam kitabnya “*al-Akhlaq wa al-Wājibāt*”, al-Shaykh ‘Abd al-Qādir al-Maghribī, berkata:

“Ilmu al-Quran itu, ialah suatu ilmu yang menjelaskan sesuatu keadaan dari keadaan-keadaan al-Quran, baik mengenai tafsir ayat-ayatnya, mengenai takwil ayat-ayatnya, mengenai penjelasan maksud-maksudnya, mengenai sebab-sebab nuzulnya,

mengenai *nāsikh* dan *mansūkh*-nya, mengenai persesuaian suatu ayat dengan yang sebelumnya dan sesudahnya, mengenai uslub-uslubnya, mengenai jenis-jenis Quran, cara me-*rasm*-kan (menulis) kalimah-kalimahnya dan lain-lain yang berhubungan dengan itu.”

Ilmu ini berbagai aneka macamnya dan berpuluhan-puluhan cabangnya. Di dalam kitab “*al-Itqān*”, al-Suyūṭī telah menghuraikan 80 jenis. Dari tiap-tiap jenis itu masih dapat dipecahkan kepada beberapa jenis lagi.

### Ulama' Yang Mula-mula Menyusun Ilmu-ilmu al-Quran:

Menurut pemeriksaan ahli sejarah, bahawa yang mula-mula menyusun ilmu ini dan membukukannya ialah: al-Imām ‘Abd al-Rahmān Muhyī al-Dīn al-Kāfiyyī.

Dan di antara yang menyusunnya pula ialah: Shaykh al-Islām Jalāl al-Dīn al-Balqīnī – 724-800H (1324-1391M). Ia menyusun kitabnya “*Mawāqi‘ al-‘Ulūm min Mawāqi‘ al-Nujūm*”. Kitabnya itu ia sendiri perbaiki dan di dalamnya ada lima puluh jenis ilmu-ilmu al-Quran. Jejaknya itu diikuti oleh al-Imām Badr al-Dīn Muḥammad ibn ‘Abd Allāh al-Zarkashī, 745-794H (1344-1399M). Ia menyusun kitabnya: “*al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*”.

Sesudah itu Shaykh al-Islām, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūṭī, 849-911H (1345-1401M), menyusun kitabnya: “*al-Taḥbīr fī ‘Ilm al-Tafsīr*”,

dihuraikan di dalamnya 102 jenis ilmu tafsir. Sesudah itu, ia susun sebuah kitab lagi yang lebih besar dan sangat terkenal dalam masyarakat Islam, dinamai “*al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*”, dihuraikan di dalamnya 80 jenis ilmu tafsir, dan tiap-tiap satunya mempunyai pecahan yang jika dikumpulkan akan berjumlah lebih dari 300 jenis.

Akan tetapi segala jenis tersebut, walaupun sedemikian banyaknya, namun ia akan berbalik kepada beberapa jenis sahaja:

Pertama: Soal Nuzul. Meliputi ayat-ayat yang diturunkan di Makkah, yang dinamai “*Makkiyyah*”, yang diturunkan di Madinah, yang dinamai “*Madīnah*”, ayat-ayat yang diturunkan dalam masa Nabi (SAW) berada di kampung yang dinamai “*Hadariyyah*”, ayat-ayat diturunkan di dalam *safr* (pelayaran) yang dinamai “*Safariyyah*”, ayat-ayat diturunkan pada siang hari, yang dinamai “*Nahāriyyah*”, ayat-ayat yang diturunkan pada malam hari yang dinamai “*Layliyyah*”, ayat-ayat yang diturunkan pada musim panas, yang dinamakan “*Sayfiyyah*”, ayat-ayat yang diturunkan pada musim dingin, yang dinamai “*Shitāiyyah*”, ayat-ayat yang diturunkan dalam masa Nabi (SAW) sedang baring di atas tempat tidur, yang dinamai “*Firāshiyah*”, sebab-sebab nuzul (turunnya ayat), yang mula-mula diturunkan dan yang penghabisan diturunkan; yang berulang-ulang diturunkannya – yang terakhir hukumnya dari turunnya – yang turun bercerai-cerai – yang turun berkumpul – yang pernah diturunkan kepada seseorang Nabi dan yang belum pernah diturunkan.

Kedua: Soal Sanad. Soal ini berbalik kepada enam jenis, iaitu: yang *mutawātir*, yang *āḥād*, yang *shādh*, jenis-jenis *qirā’ah Nabī*, rawi-rawi dan hafiz-hafiz (penghafaz-penghafaz Quran), dan *kayfiyah tāḥmil*.

Ketiga: Soal menunaikan bacaan (cara pelaksanaan bacaan), iaitu: soal *waqf*, soal *ibtidā’*, soal *amālah*, soal *mad*, soal men-*takhrij*-kan *hamzah* dan soal *idghām*.

Keempat: Soal pembahasan-pembahasan *lafż*, iaitu: *gharīb*, *majāz*, *mushtarak*, *mutarādīf*, *isti ‘ārah* dan *tashbīh*.

Kelima: Soal-soal makna al-Quran yang bersangkut-paut dengan hukum, iaitu: soal-soal ‘ām yang tetap dalam ‘ām-nya, ‘ām *makhṣūs*, ‘ām yang dimaksudkan *khāṣ*, ‘ām yang di-*khāṣ*-kan dengan *sunnah*; yang *mujmal*, yang *muṣṭaṣal*; yang *manṭūq*, yang *maṣhūm*; yang *muṭlaq*, yang *muqayyad*; yang *muḥakkam*, yang *muṣtabih*, yang *mushkil*, yang *nāsikh* dan *mansūkh*; yang *muqaddim*, yang *mu’akkhir*; yang diamalkan dalam waktu yang tertentu dan yang hanya diamalkan oleh orang seorang sahaja.

Keenam: Soal makna al-Quran yang bergantung dengan *lafż*, iaitu: *faṣl* dan *waṣl*, *ījāz* dan *iṭnāb*, *musāwah* dan *qaṣr*.

Dan yang dipandang sebagai penyempurna bagi ilmu ini, ialah: ilmu yang menerangkan nama orang yang tersebut dalam al-Quran, *kunyah*-nya, lakab-lakabnya dan nama-nama yang tidak disebut.

(dari buah kalam Tuan Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy)

#### Sudahkah tuan mendapatkan buku

### Pelajaran Sembahyang

Kalau belum dapatkan segera!!

Sebuah buku sembahyang yang mudah difaham oleh semua peringkat!!

Jangan ketinggalan!!

Senaskhah \$1.20 pos 10 sen

Alamatkan kepada:

QALAM

356 & 358, Geylang Road,

Singapore 14.